

**SYARAT-SYARAT PENAWARAN KURSUS LANJUTAN  
PERINGKAT DIPLOMA DAN SIJIL DI ILKKM SESI MAC/MEI 2020**

**1. SYARAT KHUSUS**

- i) Berumur tidak melebihi **48 tahun** pada tarikh tutup tawaran;
- ii) **Berkhidmat** sekurang-kurangnya **tiga (3) tahun bagi calon Kerajaan & Badan Berkanun** dan **dua (2) tahun bagi calon swasta** pada tarikh tutup tawaran;
- iii) Telah **disahkan dalam skim perkhidmatan** terkini pada tarikh tutup permohonan;
- iv) Mencapai **markah Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) purata 85% ke atas bagi tempoh tiga (3) tahun skim perkhidmatan terkini secara berturut-turut (2016, 2017 & 2018)**. Penilaian setahun LNPT hendaklah **genap 12 bulan**;
- v) Bersih daripada pertuduhan/tindakan tatatertib dan bebas daripada dakwaan Mahkamah;
- vi) Diperakui oleh Ketua Jabatan;
- vii) **Lulus pemeriksaan kesihatan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan (termasuk ujian, Hepatitis B, Hepatitis C & HIV/AIDS dan U.P.T) selepas calon terpilih untuk mengikuti Kursus Lanjutan. Sekiranya keputusan pemeriksaan perubatan tidak lulus, tawaran adalah terbatal dengan sendiri**;
- viii) Mempunyai pengalaman atau pendedahan latihan klinikal dalam bidang yang dipohon sekurang-kurangnya **enam (6) bulan KECUALI bagi Kursus Diploma Lanjutan Kebidanan, Diploma Lanjutan Penjagaan Diabetis dan Sijil Pos Basik Kawalan Infeksi**. Keutamaan akan diberikan kepada calon yang bertugas di unit tersebut;
- ix) **Pegawai Kerajaan yang menarik diri dari mengikuti latihan setelah menandatangani kontrak dengan Kerajaan Malaysia adalah tidak layak memohon selagi ikatan kontrak dengan kerajaan masih berjalan**;

- x) **Pegawai yang menolak tawaran** kursus bagi sesi sebelum ini tanpa alasan yang munasabah adalah **tidak layak** memohon dalam tempoh **dua (2) tahun terakhir**;
- xi) Pegawai yang telah mengikuti mana-mana tawaran Kursus Lanjutan dalam tempoh **dua (2) tahun terakhir** adalah **tidak layak** memohon; dan
- xii) Calon **wanita tidak dibenarkan hamil semasa memohon dan sepanjang tempoh pengajian. Sekiranya didapati hamil ketika mengikuti kursus, pelatih akan ditamatkan latihan.**

## 2. SYARAT-SYARAT KHAS KURSUS

Syarat-syarat khas kursus adalah seperti berikut:

### 2.1 Sijil Pos Basik Kejururawatan Kesihatan Awam

- (a) Pemohon perlu mempunyai **Sijil Kebidanan Bahagian I / Diploma Lanjutan Kebidanan** dan pengalaman bertugas sekurang-kurangnya **enam (6) bulan** di bidang tersebut;

### 2.2 Sijil Pos Basik Sediaan Farmaseutikal Steril

- (a) Pemohon perlu mempunyai pengalaman dan pendedahan latihan klinikal sekurang-kurangnya **enam (6) bulan** di bidang berkenaan;
- (b) Keutamaan akan diberi kepada calon yang sedang bertugas di **Unit Parenteral Nutrition, IV Admixture atau Cytotoxic Drug Reconstitution** selepas menamatkan kursus;
- (c) Calon yang mengandung dan sedang menyusukan bayi tidak dibenarkan mengikuti kursus ini; dan
- (d) Bagi tujuan pemantauan tahap kesihatan, calon kursus perlu menjalani pemeriksaan **Full Blood Picture** sebelum mengikuti kursus ini.

### 2.3 Sijil Pos Basik Penjagaan Luka

- (a) pengalaman bekerja tiga (3) tahun termasuk **enam (6) bulan dalam bidang berkaitan penjagaan luka.**
- (b) mempunyai *Annual Practice Certificate (APC)* yang disahkan oleh Lembaga Profesion masing-masing.

#### 2.4 **Sijil Pos Basik Penjagaan Reumatologi**

- (a) **pengalaman bekerja tiga (3) tahun termasuk enam (6) bulan dalam bidang berkaitan penjagaan reumatologi/perubatan.**
- (b) **mempunyai *Annual Practice Certificate (APC)* yang disahkan oleh Lembaga Profesion masing-masing.**

#### 2.5 **Diploma Lanjutan Perawatan Onkologi**

- (a) Keutamaan kepada yang mempunyai pengalaman klinikal atau sedang bertugas di Sub-Kepakaran tertentu sekurang-kurangnya **enam (6) bulan.**

#### 2.6 **Diploma Lanjutan Penjagaan Kecemasan**

- (a) Keutamaan kepada yang mempunyai pengalaman klinikal atau yang sedang bertugas di unit berkenaan sekurang-kurang **enam (6) bulan.**
- (b) Pemohon juga hendaklah mempunyai sijil ***Basic Life Support (BLS)*** yang terkini dan masih sah sebelum layak memohon.

#### 2.7 **Diploma Lanjutan Perawatan Kesihatan Mental**

- (a) Keutamaan kepada yang mempunyai pengalaman klinikal atau yang sedang bertugas di unit berkenaan sekurang-kurang **enam (6) bulan.**

#### 2.8 **Diploma Lanjutan Histopatologi**

- (a) Keutamaan kepada yang bertugas di **Makmal Hispatologi selama dua (2) tahun** dan mendapat perakuan daripada Ketua Patologi Negeri.

#### 2.9 **Diploma Lanjutan Transfusi Darah**

- (a) Keutamaan yang bertugas di **Makmal Transfusi Darah selama dua (2) tahun** dan mendapat perakuan daripada Ketua Patologi Negeri.